



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING AM BILANGAN 3 TAHUN 2020

KEMPEN PEMAKAIAN TALI PINGGANG KELEDAR SEMASA MENAIKI KENDERAAN MILIK KERAJAAN DALAM KALANGAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN

JABATAN PERDANA MENTERI

Disember 2020

Dikelilingkan kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Tempatan



**JABATAN PERDANA MENTERI
KOMPLEKS JABATAN PERDANA MENTERI
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN
62502 PUTRAJAYA**

Telefon : 603-8872 3333
Faks : 603-8888 3755
Rujukan :
Tarikh : Disember 2020

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

SURAT PEKELILING AM BILANGAN 3 TAHUN 2020

**KEMPEN PEMAKAIAN TALI PINGGANG KELEDAR SEMASA MENAIKI KENDERAAN
MILIK KERAJAAN DALAM KALANGAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN**

TUJUAN

Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan berkenaan pelaksanaan kempen pemakaian tali pinggang keledar semasa menaiki kenderaan milik Kerajaan dalam kalangan semua penjawat awam terutamanya dalam kalangan Pegawai Tertinggi Kerajaan.

LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 18 Disember 2019 telah mengambil maklum Nota daripada Menteri Pengangkutan bertajuk **“Kempen Memperkasakan Pemakaian Tali Pinggang Keselamatan di Dalam Kenderaan Dalam Kalangan YB Menteri, YB Timbalan Menteri dan Pegawai Tertinggi Kerajaan”** mengenai kepentingan pemakaian tali pinggang keledar serta strategi/langkah yang boleh diambil bagi meningkatkan pematuhan dalam kalangan pemandu dan penumpang kenderaan. Antara strategi atau langkah yang boleh dilaksanakan termasuklah:

- a. Pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan secara berterusan dan meluas oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) termasuk memberi nasihat dan pendidikan; dan
 - b. Pelaksanaan aktiviti/program advokasi dan kempen kesedaran. Kempen ini boleh dianjurkan melalui pelbagai medium komunikasi termasuk laman media sosial di mana ia merupakan medium yang paling mudah dan sesuai digunakan. Bagi tujuan ini, penglibatan oleh penjawat awam terutamanya pegawai di peringkat pengurusan tertinggi Kerajaan adalah amat penting untuk menjadi suri teladan (*role model*) kepada orang ramai. Pekeliling khusus pentadbiran juga adalah wajar dikuatkuasa bagi memenuhi hasrat ini. Menerusi pekeliling khusus pentadbiran tersebut, mesej pelaksanaan kempen ini boleh dipanjangkan kepada seluruh kementerian dan agensi Kerajaan seterusnya mewujudkan mekanisme pemantauan berterusan yang bersesuaian.
3. Undang-undang berkaitan kewajipan pemakaian tali pinggang keledar bagi pemandu dan penumpang di tempat duduk hadapan kenderaan motor telah dikuatkuasakan semenjak 1 April 1979. Pada 1 Januari 2009, Kerajaan pula telah mewajibkan peraturan pemakaian tali pinggang keledar bagi penumpang di tempat duduk belakang kenderaan motor. Peraturan pemakaian tali pinggang keselamatan penumpang di tempat duduk belakang kenderaan motor ini dikuatkuasakan melalui Kaedah-Kaedah Kereta Motor (Tali Pinggang Keledar) (Pindaan) 2008.
4. Bagi merealisasikan hasrat ini, Kementerian Pengangkutan (MOT) menerusi surat bertarikh 7 Oktober 2020 rujukan MKJR/WPP/200/1 (10) telah memohon supaya penguatkuasaan peraturan pemakaian tali pinggang keledar dalam kalangan penjawat awam semasa menaiki kenderaan Kerajaan dijadikan sebagai salah satu langkah intervensi bagi mengurangkan risiko kecederaan serius dan kematian akibat kemalangan jalan raya.

PELAKSANAAN

5. Pada setiap tahun, MOT melalui Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) telah membuat pemantauan mengenai tahap pemakaian tali

pinggang keledar di dalam kenderaan khususnya pada musim perayaan di Malaysia. Menerusi pemantauan tersebut, didapati kadar pemakaian tali pinggang keselamatan penumpang di tempat duduk belakang kenderaan motor masih lagi di tahap yang amat rendah dan membimbangkan walaupun ianya telah dikuatkuasakan lebih 10 tahun.

6. Berbeza dengan pemakaian tali pinggang keledar bagi pemandu, selepas dikuatkuasakan pada tahun 1975, peratusan pemakaian meningkat kepada 95% selepas 6 bulan ia dikuatkuasakan. Peningkatan ini adalah berpunca daripada usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan termasuk aktiviti penguatkuasaan dan advokasi berterusan.

7. Berdasarkan kajian MIROS mengenai tahap keberkesanan pemakaian tali pinggang keledar dalam kalangan pemandu dan penumpang di tempat duduk belakang kenderaan motor, didapati ianya berupaya mengurangkan risiko kematian penumpang sehingga 50% sekiranya berlaku kemalangan jalan raya. Namun begitu, berdasarkan pemantauan yang telah dijalankan, kadar pemakaian tali pinggang keledar penumpang di tempat duduk belakang di Malaysia adalah masih lagi di tahap yang amat rendah iaitu hanya sekitar 11% dalam kalangan pengguna jalan raya.

8. Seajar dengan kempen dan penguatkuasaan yang telah dirancang, penglibatan semua penjawat awam terutamanya pegawai tertinggi Kerajaan akan menjadi satu **suri teladan (*role model*) kepada masyarakat umum**. Sehubungan dengan itu, arahan pemakaian tali pinggang keledar ini adalah terpakai bagi semua pemandu dan penumpang semasa menaiki kenderaan milik Kerajaan.

9. **Setiap pemandu kenderaan Kerajaan adalah dipertanggungjawabkan** untuk memastikan kesemua penumpang termasuk penumpang di tempat duduk belakang memakai tali pinggang keledar sebelum memulakan perjalanan.

10. Di samping itu, Kerajaan juga telah menguatkuasakan peraturan berkaitan pemakaian sistem kekangan kanak-kanak atau *child restraint system* (CRS) kepada kanak-kanak yang menaiki kenderaan motor di bawah Kaedah-Kaedah Kereta Motor (Tali Pinggang Keledar) (Pindaan) 2019. Pada kesempatan ini, semua penjawat

awam, sama ada ibu bapa atau penjaga, adalah dinasihatkan untuk menggunakan alat CRS yang bersesuaian demi menjaga keselamatan kanak-kanak yang menaiki kenderaan.

11. Semua Ketua Jabatan diminta untuk memasukkan mesej berkaitan kempen pemakaian tali pinggang keledar di dalam kenderaan dan penggunaan peralatan CRS yang bersesuaian di dalam amanat tahun baharu atau dalam sesi perhimpunan bulanan di setiap kementerian, jabatan atau agensi masing-masing. Mesej berkaitan kempen yang sama juga perlu dilaksanakan secara berterusan menerusi semua saluran komunikasi dalaman kementerian, jabatan atau agensi sedia ada termasuk menerusi e-mel dan promosi di ruang-ruang legar/umum.

12. Semua Ketua Jabatan boleh berhubung dengan pihak MOT, JPJ atau MIROS bagi mendapatkan khidmat nasihat atau maklumat lanjut berkaitan pendekatan pelaksanaan kempen yang dimaksudkan.

TARIKH KUATKUASA

13. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa pada 1 November 2020 dan perlu dibaca bersama-sama Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Tali Pinggang Keledar dan Sistem Kekangan Kanak-Kanak) 1978.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(TAN SRI MOHD ZUKI ALI)